

0 5 5 2

U 8849 AAB
CHOGM - MAHATHIR (HONG KONG)

KUALA LUMPUR, 24 OKT (BERNAMA) -- PERDANAMENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD TIDAK MENOLAK KEMUNGKINAN PERUBAHAN MUNGKIN BERLAKU DI TANAH BESAR CHINA DALAM TEMPOH LAPAN TAHUN INI YANG AKAN MENANAM KEYAKINAN KEPADA RAKYAT HONG KONG SUPAYA TIDAK BERHIJRAH.

BELIAU BERKATA, 1997, TAHUN HONG KONG AKAN DIPULANGKAN KEPADA PEMERINTAH CHINA MASIH AGAK JAUH DAN MEREKA TIDAK AKAN MENGETAHUI APA YANG AKAN BERLAKU DI HONG KONG DAN DI CHINA DALAM TEMPOH ITU.

+KITA TELAH MELIHAT BANYAK PERUBAHAN YANG BERLAKU DI BANYAK TEMPAT DI DUNIA DAN SESEORANG TIDAK HARUS MENGETEPIKAN KEMUNGKINAN BAHAWA PERUBAHAN SEUMPAMA ITU BOLEH BERLAKU DI CHINA,+ KATANYA MERUJUK KEPADA PERUBAHAN PRO DEMOKRASI DI EROPAH TIMUR.

KETIKA BERCAKAP PADA PERSIDANGAN AKHBAR DI PENUTUP MESYUARAT KETUA-KETUA KERAJAAN KOMANWEL (CHOGM) DI SINI BELIAU BERKATA, PERUBAHAN-PERUBAHAN SEDANG BERLAKU DI CHINA DAN MUNGKINKITA TIDAK HARUS KHUATIR MENGENAI HONG KONG MENJELANG 1997.

KATANYA, KETUA-KETUA KERAJAAN KOMANWEL TELAH MEMBACA MEMORANDUM YANG DIKEMUKAKAN OLEH DELEGASI TIDAK RASMI DARI HONG KONG KETIKA SIDANG KEMUNCAK ITU. PERWAKILAN HONG KONG ITU TELAH BERJUMPADENGAN KETUA-KETUA KERAJAAN LIMA BUAH NEGARA IAITU SINGAPURA, BRITAIN, AUSTRALIA, KANADA DAN NEW ZEALAND

-- SERTA SEORANG PEGAWAI TINGGI INDIA. -- LAGI
2210MST 24 10 89

D558

U 0854 AAB
CHOGM - MAHATHIR (HONG KONG) 2 KUALA LUMPUUR

I

KETIKA MENJAWAB SATU SOALAN, PERDANA MENTERI MENAFIKAN KONONNYA TERDAPAT TEKANAN DARI BEIJING DI ATAS RUJUKAN YANG DIBUAT OLEH KOMANWEL TERHADAP HONG KONG. DALAM PERNYATAANNYA.

APABILA DITANYA TENTANG BANTUAN YANG BOLEH DIBERIKAN OLEH BEBERAPA NEGARA ANGGOTA KOMANWEL, BELIAU BERKATA, SINGAPURA TELAH PUN MENYATAKAN KESEDIAANNYA MENERIMA RAKYAT HONG KONG DAN DISAMPING ITU AUSTRALIA SERTA KANADA DAPAT MENERIMA LEBIH RAMAI ORANG.

KATANYA, BEBERAPA NEGARA LAIN PULA HANYA BERMINAT MENERIMA MEREKA YANG +BERBAKAT+ UNTUK MEWUJUDKAN INDUSTRI-INDUSTRI BARU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, BELIAU YAKIN BAHAWA KETUA-KETUA KERAJAAN KOMANWEL YANG LAIN DAPAT MENCADANGKAN IDEA-IDEA BARU MENGENAI PERSOALAN HONGKONG DAN +SATU DARIPADANYA IALAH UNTUK MENGADAKAN SYARAT AGAR PENDUDUK HONG KONG KEKAL DI NEGARA ITU SELEPAS 1997.+ -- BERNAMA
2222MST 24 10 89